

BAB EMPAT:

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan:

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi menerusi instrumen soal selidik dan ujian bertulis yang dijalankan ke atas kumpulan responden yang disasarkan. Dapatan kajian ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi melihat frekuensi, peratus serta min bagi setiap bahagian dalam instrumen untuk mencapai keputusan terhadap objektif kajian yang digariskan. Dapatan kajian ini juga dibentangkan dengan mudah dan jelas serta dipaparkan dalam bentuk jadual dan graf bagi memudahkan pemahaman serta penghuraian yang lebih berkesan. Penyelidik meghuraikan analisis terhadap data serta maklumat yang diperolehi melalui kajian ini mengikut susunan objektif kajian seperimana yang ditetapkan dalam bab terdahulu. Berikut adalah bentuk item instrumen yang digunakan dalam kajian ini bagi menjawab soalan kajian yang dikemukakan.

I) Soal selidik

Soal selidik ini dijalankan secara rawak ke atas 50 orang responden di kalangan kumpulan sasaran iaitu pelajar tingkatan empat yang mengikuti pembelajaran bagi mata pelajaran bahasa Arab di peringkat menengah.

Dapatan kajian daripada soal selidik ini meliputi dua bentuk data iaitu data kuantitatif dan data kualitatif.

Data kuantitatif iaitu data yang diperolehi daripada respon pilihan aneka jawapan dan skala likert yang digunakan dalam item soal selidik. Kumpulan data ini akan dianalisis dengan menggunakan perisian statistik *Statistic Package for the Social Science (SPSS)* bagi huraian dalam bentuk frekuensi, peratus serta min.

Menurut Mohd Majid (1990), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemerosesan data. Operasinya boleh dalam bentuk jadual, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Manakala interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari *Dr. Jamil Ahmad (2002), Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru sekolah. Satu penilaian tesis*. Pemeringkatan skala skor min seperti dalam jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1 : Skala Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi Skor Min	
1.00 hingga 2.33	Rendah	(Kurang setuju/kurang membantu/kurang mahir/kurang memenuhi/ tidak pasti/kadang-kadang/tiada/sebahagian kecil)
2.34 hingga 3.66	Sederhana	(Setuju/membantu/mahir/memenuhi/ separuh)
3.67 hingga 5.00	Tinggi	(Sangat setuju/sangat membantu/sangat mahir/sangat memenuhi/ sangat selalu/semua/sebahagian besar)

Item yang menggunakan respon aneka pilihan jawapan adalah bagi bahagian maklumat latarbelakang responden, manakala item respon skala likert

digunakan bagi merumuskan pengetahuan pelajar serta penguasaan mereka terhadap konsep asas yang berkaitan tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan kaedah pembentukkan kata kerja ini pada pelbagai variasi kata kerja samaada dari aspek binaannya iaitu sohi:h dan mu'tall atau dari aspek strukturnya iaitu mujarrad dan mazi:d yang digunakan dalam membina ayat bahasa Arab, serta perkaitan ilmu tatabahasa Arab yang berkenaan dengannya.

II) Ujian bertulis

Penyelidik menggunakan responden yang sama dalam instrumen ujian bertulis ini dengan kumpulan responden dalam instrumen soal selidik, iaitu pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, Perak. Bilangan responden yang mengambil bahagian dalam ujian bertulis ini adalah seramai 25 orang yang dipilih secara rawak. Instrumen ini adalah bertujuan mengenalpasti bentuk kekeliruan serta kesilapan yang sering dilakukan oleh pelajar dalam menjawab soalan yang berkaitan dengan tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Dapatan daripada instrumen ini adalah dalam bentuk data kuantitatif dan kualitatif yang dianalisis dalam bentuk jadual serta carta histogram dengan mengambilkira nilai frekuensi dan peratus. Instrumen ujian bertulis ini meliputi 3 bahagian utama iaitu;

- a) Bahagian A : Maklumat diri responden.
- b) Bahagian B : Pengetahuan konsep asas.
- c) Bahagian C : Bentuk item pentaksiran.

Dengan menjalankan pentaksiran dua bentuk instrumen ini kepada kumpulan sempel yang mengambil bahagian dalam kajian ini, penyelidik dapat mengumpul data samada dalam bentuk data iaitu data kuantitatif dan data kualitatif serta membuat rumusan terhadap dapatan kajian bertepatan dengan objektif kajian ini. Berikut adalah yang menunjukkan dapatan dari kajian ini selaras dengan objektif kajian yang digariskan.

Jadual 4.2 : Taburan Respon Terhadap Objektif Kajian di Dalam Instrumen Kajian

Instrumen Kajian		Objektif Kajian			
1) Soal Selidik		1	2	3	4
Bahagian A : Maklumat Diri Responden					
Bahagian B	Unit 1: Pengetahuan konsep asas	√			
	Unit 2: Membina kata kerja pelbagai variasi		√		
	Unit 3: Penggunaan dalam ayat	√			
Bahagian C	Permasalahan dan punca				√
2) Ujian Bertulis					
Bahagian A : Maklumat Diri Responden					
Bahagian B	Unit 1: Pembentukkan kata kerja kala lampau	√		√	
	Unit 2: Pembentukkan kata kerja kala kini	√		√	
Bahagian C	Unit 1: Tukar kata kerja aktif kepada pasif			√	
	Unit 2: Bina ayat dari arahan yang diberi			√	
	Unit 3: Penggunaan dalam penulisan ayat		√	√	

Jadual 4.2 di atas menunjukkan bahagian item pentaksiran yang terdapat di dalam instrumen kajian iaitu soal selidik dan ujian bertulis yang digunakan bagi mengukur respon dari sempel selaras dengan objektif kajian yang ditetapkan pada awalnya. Dari

taburan bahagian item pentaksiran ini, dapat dirumuskan bahawa ia meliputi kesemua sasaran yang digariskan dalam objektif kajian serta turut menjawab soalan kajian.

4.1 Dapatan Kajian

Seterusnya penyelidik membentangkan dapatan kajian dengan merumuskan data serta maklumat yang diperolehi dari kajian yang dijalankan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dalam objektif kajian.

4.1.1 Dapatan Maklumat Diri Responden

Terdapat dua kumpulan responden dari kalangan kelompok pelajar yang sama terlibat sebagai sempel terhadap instrumen yang dijalankan dalam kajian ini, iaitu responden soal selidik dan responden ujian bertulis.

I) Dapatan Maklumat Diri Responden Soal Selidik

Sampel yang digunakan dalam instrumen ini ialah seramai 50 orang pelajar tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kerian, Perak. Pada bahagian ini, Penyelidik mengutip maklumat yang penting berkenaan latarbelakang sampel iaitu tingkatan, jantina dan pencapaian mata pelajaran bahasa Arab mereka dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang lepas.

Bagi maklumat tingkatan dikalangan sampel, penyelidik melibatkan semua pelajar dari kelas-kelas di tingkatan empat yang mengambil aliran pengajian yang berbeza. Penyelidik mengambil jumlah yang sama dari setiap tingkatan iaitu 10 orang bagi mewakili tingkatan masing-masing sebagai responden. Manakala bagi maklumat jantina sampel, penglibatan sampel pada instrumen ini dari segi gender adalah secara rawak iaitu mengikut kesediaan mereka dengan bentuk instrumen kajian ini serta kesesuaian peluang yang ada. Jadual 4.3berikut memaparkan taburan jumlah sampel yang digunakan dalam kajian soal selidik ini mengikut kelas tingkatan empat serta gender.

Jadual 4.3 : Bilangan dan Peratusan Sampel Mengikut Kelas Tingkatan Empat dan Jantina

Tingkatan Empat	Lelaki		Perempuan		Jumlah Sampel
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	
4 Bukhari	4	40%	6	60%	10
4 Farabi	2	20%	8	80%	10
4 Haytham	4	40%	6	60%	10
4 Jabir	6	60%	4	40%	10
4 Khawarizmi	4	40%	6	60%	10
Jumlah	20	40%	30	60%	50

Daripada paparan maklumat dalam jadual di atas, penyertaan responden dari kelas tingkatan empat adalah setara iaitu 10 orang mewakili setiap tingkatan. Walaubagaimanapun dari segi gender, penglibatan pelajar perempuan adalah lebih banyak iaitu 30 orang mewakili 60% daripada sampel kajian manakala pelajar lelaki pula seramai 20 orang iaitu 40% daripada jumlah sampel. Penyertaan paling ramai pelajar perempuan adalah dari tingkatan 4 Farabi iaitu seramai 8 orang, manakala penyertaan pelajar lelaki yang paling ramai adalah bagi tingkatan 4 Jabir iaitu seramai 6 orang. Bagi maklumat pencapaian sampel bagi mata pelajaran bahasa Arab dalam

peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula, perincian butirannya ditunjukkan dalam jadual seterusnya.

Daripada data yang ditunjukkan di dalam jadual 4.4 berikut, maka dapat dirumuskan bahawa majoriti pelajar yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini adalah di kalangan mereka yang mendapat gred ‘A’ bagi mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu seramai 33 orang yang mewakili 66% daripada jumlah keseluruhan responden. Namun bagi jumlah kumpulan gred ‘A’ ini sebahagian besarnya adalah pelajar perempuan iaitu seramai 26 orang manakala pelajar lelaki pula seramai 7 orang. Bagi pencapaian gred terendah pula adalah gred ‘D’ yang disertai oleh seorang responden lelaki. Selebihnya adalah responden di kalangan pelajar yang mendapat gred ‘B’ dan ‘C’.

Jadual 4.4 : Bilangan dan Peratusan Sampel Mengikut Pencapaian Bahasa Arab dalam PMR

Pencapaian Bahasa Arab dalam PMR	Lelaki	Perempuan	Jumlah Sampel	
	Bilangan	Bilangan	Bilangan	Peratus
Gred A	7	26	33	66%
Gred B	6	1	7	14%
Gred C	6	3	9	18%
Gred D	1	0	1	2%
Gred E	0	0	0	0%
Jumlah	20	30	50	100%

II) Dapatan Maklumat Diri Responden Ujian Bertulis

Dalam menjalankan ujian bertulis, penyelidik juga mengutip maklumat yang penting berkenaan latarbelakang responden iaitu tingkatan, jantina dan pencapaian mata

pelajaran bahasa Arab mereka dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang lepas. Penyertaan responden dalam ujian ini adalah seramai 25 orang dan tidak ditetapkan kepada kelas aliran tertentu atau jantina, tetapi ia dilibatkan secara rawak dari kalangan pelajar tingkatan empat mengikut kesediaan mereka dengan bentuk instrumen kajian ini serta kesesuaian kesempatan masa yang ada. Jadual 4.5 berikut memaparkan taburan jumlah responden yang digunakan dalam ujian bertulis ini mengikut kelas tingkatan empat serta gender.

Jadual 4.5 Bilangan dan Peratusan Sampel Mengikut Kelas Tingkatan Empat dan Jantina

Tingkatan	Lelaki	Perempuan	Jumlah Sampel	
	Bilangan	Bilangan	Bilangan	Peratus
4 Bukhari	3	1	4	16%
4 Farabi	2	6	8	32%
4 Haytham	3	2	5	20%
4 Jabir	3	2	5	20%
4 Khawarizmi	2	1	3	12%
Jumlah	13	12	25	100%

Berdasarkan paparan maklumat penyertaan responden mengikut kelas tingkatan empat dan gender dalam jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa penyertaan pelajar lelaki dan perempuan dalam ujian bertulis ini adalah setara iaitu 13 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan. Manakala bagi penyertaan kelas pula, responden dari tingkatan 4 Farabi adalah lebih ramai dari kelas yang lain iaitu seramai 8 orang atau 32% daripada jumlah keseluruhan responden. Penyertaan pelajar dari tingkatan 4 Khawarizmi adalah paling sedikit iaitu 3 orang bersamaan dengan 12%.

Bagi maklumat pencapaian responden bagi mata pelajaran bahasa Arab dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pula, butirannya ditunjukkan dalam jadual 4.6 berikut.

Jadual 4.6 Bilangan dan Peratusan Sampel Mengikut Pencapaian bahasa Arab dalam PMR

Pencapaian Bahasa Arab dalam PMR	Lelaki	Perempuan	Jumlah Sampel	
	Bilangan	Bilangan	Bilangan	Peratus
Gred A	9	9	18	72%
Gred B	3	2	5	20%
Gred C	1	1	2	8%
Gred D	0	0	0	0%
Gred E	0	0	0	0%
Jumlah	13	12	50	100%

Jadual 4.6 di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar yang menyertai ujian bertulis ini adalah di kalangan mereka yang mendapat pencapaian yang baik iaitu gred A dalam Penilaian Menengah Rendah seramai 18 orang iaitu mewakili 72% dari jumlah responden. Manakala pencapaian minimum di kalangan pelajar yang terlibat dalam instrumen ini adalah pencapaian gred C, iaitu seramai 2 orang atau 8%. Baki seramai 5 orang lagi adalah yang mencapai gred B dalam PMR. Kesimpulannya, pelajar yang menjadi responden dalam ujian bertulis ini adalah dari kalangan pelajar yang mendapat keputusan yang baik bagi mata pelajaran bahasa Arab di dalam peperiksaan PMR.

4.1.2 Dapatan Objektif Kajian 1 :

“Mengenalpasti pengetahuan pelajar terhadap konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penggunaannya dalam membina struktur ayat bahasa Arab”.

Objektif kajian yang pertama adalah berkenaan pengetahuan pelajar terhadap konsep asas bagi pembentukkan serta penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam membina struktur ayat bahasa Arab. Input terhadap objektif ini dicerakinkan dari data kuantitatif soal selidik pada bahagian B unit satu dan tiga, serta dapatan dari bahagian B ujian bertulis yang dijalankan.

I) Dapatan dari soal selidik bahagian B (unit 1)


Skop yang diukur pada bahagian ini ialah berkenaan pengetahuan pelajar terhadap konsep asas pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l. Penyelidik mengemukakan tujuh item soalan bagi mendapatkan respon tentang pengetahuan responden terhadap konsep asas berkenaan tajuk ini seperti di dalam jadual di bawah. Responden menjawab item soalan berbentuk skala likert dengan memilih respon yang sesuai daripada lima skala pilihan jawapan iaitu dari skala 1 untuk sangat tidak setuju dan seterusnya tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju pada skala 5. Berikut adalah dapatan data yang diperolehi daripada responden menerusi instrumen yang dijalankan.

Jadual 4.7 : Analisis frekuensi, peratus dan min tentang Pengetahuan Konsep Asas

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1.	Sudah mempelajari tajuk ini	1	1	11	19	18	4.04
2.	Tahu maksud kata kerja ini	1	5	25	14	5	3.34
3.	Dapat kenali kata kerja ini	1	7	19	17	6	3.40
4.	Dapat bezakan kata kerja ini dengan yang lain	3	6	21	16	4	3.24
5.	Tahu fungsi kata kerja ini	3	9	22	11	5	3.12
6.	Tahu kaedah nahanan yang berkaitan dengannya	3	12	23	9	3	2.94
7.	Memahami tajuk ini adalah tidak sukar	2	0	20	16	3	3.18
Peratus Skala Likert		4%	12%	41%	30%	13%	


Merujuk kepada data yang diperolehi dari jadual 4.7 di atas berkenaan dengan pemahaman terhadap konsep asas bagi tajuk “kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l”, maka dapat dirumuskan bahawa kebanyakkan responden bersetuju bahawa mereka sudah mempelajari tajuk ini khususnya di tingkatan tiga. Namun bagi item-item soalan yang lain dalam bahagian ini, majoriti responden ‘tidak pasti’ tentang pemahaman mereka terhadap konsep asas tajuk ini iaitu mewakili 41% daripada respon yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar masih belum memahami tajuk ini dengan baik walaupun mereka sudah mempelajarinya dan kebanyakkan daripada mereka mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan PMR. Manakala sebahagian pelajar yang lain memberikan respon yang positif iaitu respon setuju 30% dan respon sangat setuju 13% terhadap item pemahaman asas mereka berkenaan tajuk ini. Sebahagian kecil sahaja dari kalangan responden yang memberikan respon yang negatif, iaitu tidak dapat memahami asas tajuk ini dengan baik. Carta pai 4.1 di bawah ini memaparkan pembahagian peratusan respon pelajar terhadap pengetahuan konsep asas kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l.

Carta Pai 4.1: Respon Pengetahuan Pelajar Terhadap Konsep Asas Kata Kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l.



Manakala carta histogram 4.1 di bawah ini memaparkan rumusan nilai min bagi item pengetahuan konsep asas tajuk ini, secara keseluruhannya menunjukkan interpretasi skor minnya ialah ‘sederhana’ iaitu di antara skala min 2.34 hingga 3.66 sebagaimana merujuk kepada sumber Dr. Jamil Ahmad (2002). Hanya skor pada item sudah mempelajari tajuk ini yang menunjukkan interpretasi skor min yang tinggi iaitu 4.04. Ini menjelaskan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa mereka sudah mempelajari tajuk ini dalam pembelajaran mereka di peringkat menengah.

Histogram 4.1 : Min Item Pengetahuan Konsep Asas Tajuk



II) Dapatan dari soal selidik bahagian B (unit 3)

Pada bahagian ini dari item pentaksiran soal selidik, penyelidik menggunakan lima item soalan untuk mengukur kebolehan pelajar dalam membentuk struktur ayat yang sahih dengan menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Ia menjurus kepada keupayaan pelajar mengenalpasti kata kerja ini dalam ayat dan fungsi penggunaannya serta aplikasi nahan yang berkaitan khususnya dengan pelaku ganti. Selain itu, item soalan dalam bahagian ini juga mengukur kemampuan pelajar dalam menukar struktur ayat aktif (kata kerja al-Mabniyy Li al-Maklu:m) kepada ayat pasif (kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l). Oleh itu, dapatan dari respon soal selidik yang dijalankan ini ditunjukkan dalam jadual 4.8 berikut.

Jadual 4.8 : Penggunaan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l dalam ayat.


Bil.	Item Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1.	Tahu fungsi penggunaan	2	7	22	16	3	3.22
2.	Dapat kenalpasti dalam ayat	2	9	10	25	4	3.40
3.	Tahu hubungan nahan dengan pelaku ganti	3	7	22	16	2	3.14
4.	Tahu menukar struktur ayat aktif kepada pasif	5	13	21	10	1	2.78
5.	Tahu menggunakan kata kerja ini dengan betul	2	12	22	14	0	2.96
Peratus Skala Likert		6%	19%	39%	32%	4%	

Daripada data yang dipaparkan dalam jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa tahap kemampuan pelajar dalam menggunakan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l di dalam penulisan ayat adalah di peringkat sederhana sahaja sebagaimana yang dijelaskan oleh skala min. Kebanyakkan pelajar memberikan respon tidak pasti dan

respon bersetuju dengan keupayaan mereka menggunakan bentuk kata kerja ini dalam penulisan ayat bahasa Arab. Dalam pada itu, segelintir sahaja di kalangan pelajar yang menunjukkan keyakinan yang tinggi dalam mengaplikasi kemahiran berkenaan tajuk ini dalam penulisan ayat bahasa Arab. Hal ini dapat difahami daripada respon item 4 dan 5 yang menunjukkan nilai min yang menyusut.

Secara umumnya respon daripada pelajar terhadap penggunaan yang betul kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l dalam ayat bahasa Arab dengan mengambil kira pengetahuan tentang fungsi penggunaannya serta hubungan nahuan dengan pelaku ganti dan kemahiran dalam menukar fe'el kepada bentuk majhu:l, maka rumusan keseluruhannya adalah seperti dalam carta pai 4.2 di bawah ini.

Carta Pai 4.2: Rumusan Keseluruhan Respon Pelajar Terhadap Penggunaan Kata Kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l dalam ayat.



III) Dapatan dari ujian bertulis bahagian B (kata kerja Kala Lampau)

Dalam item pentaksiran ujian bertulis bahagian B ini, penyelidik mengukur pengetahuan pelajar dalam menguasai konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut kaedah nahu yang betul. Penyelidik membahagikan ujian ini kepada dua bahagian iaitu bagi kata kerja kala lampau (*الفِعْلُ الْمَاضِيُّ*) dan kata kerja kala kini (*الفِعْلُ الْمُضَارِعُ*) kerana kedua-dua kategori kata kerja ini mempunyai kaedah tersendiri dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Selain itu, sebanyak sepuluh jenis kata kerja disenaraikan dalam item ujian bahagian ini mengikut bentuk binaan serta sturturnya, iaitu dari fe’el yang dibina dari rangkaian huruf-huruf yang mudah hinggalah kepada fe’el dari rangkaian huruf yang susah iaitu yang melibatkan perubahan baris dan pola huruf dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Dalam bahagian ini, penyelidik menghuraikan berkenaan pengetahuan pelajar tentang konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l jenis Kala Lampau, manakala bagi jenis kata kerja Kala Kini akan disusuli pada subtajuk seterusnya.

Berdasarkan kepada bentuk item ujian yang dijalankan dalam bahagian ini, penyelidik membentangkan analisis dapatan yang diperolehi dalam bahagian ini kepada dua peringkat iaitu analisis pembentukkan kaedah asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kategori kata kerja kala lampau, manakala dapatan tentang bentuk kesalahan respon jawapan yang diberikan oleh responden dirumuskan dalam perbincangan dapatan objektif ketiga.

Berikut adalah dapatan dari ujian yang dijalankan berkenaan dengan pemahaman pelajar terhadap kaedah pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l kala lampau (**الفِعْلُ الْمَاضِي**)

Jadual 4.9 : Analisis Jawapan Responden serta Jenis Kesalahan.


Soalan	Jawapan Betul	Jawapan Salah	Jenis Kesalahan	
			Salah Pola Huruf	Salah Baris Huruf
ضرَبَ	17	8	0	8
قتَّالَ	8	17	16	1
تَكَرَّمَ	17	8	0	8
إِسْتَعْمَلَ	17	8	0	8
أَكَلَ	21	4	0	4
عَدَّ	11	14	0	14
وَصَفَ	17	8	0	8
نَالَ	1	24	22	2
نَهَىٰ	8	17	2	15
وَلَىٰ	22	3	0	3
Jumlah	139	111	40	71

Berpandukan kepada data yang diperolehi dalam jadual 4.9 di atas, dapat dirumuskan bahawa bagi respon jawapan terhadap pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l kala lampau (**الفِعْلُ الْمَاضِي**), jawapan yang betul yang diberikan oleh responden adalah lebih banyak iaitu 139 berbanding dengan jawapan yang salah iaitu sebanyak 111. Kebanyakkan pelajar dapat memahami kaedah pembentukkan kata kerja jenis ini bagi bentuk fe'el yang terdiri daripada rangkaian huruf-huruf yang mudah yang tidak melibatkan perubahan ketara pada pola huruf seperti; / وَصَفَ / أَكَلَ / تَكَرَّمَ / ضَرَبَ)

وَكُلِّيٌّ). Walaubagaimanapun, ramai pelajar menghadapi masalah untuk mengaplikasikan kaedah yang betul bagi fe’el yang perlu melibatkan perubahan pada pola huruf serta barisnya terutamanya fe’el yang mempunyai huruf ‘illah, seperti; (﴿نَهْيٌ / نَأْلٌ / قَاتِلٌ ） .

Histogram 4.2 di bawah menunjukkan skor yang dicapai oleh 25 orang responden yang menjalani ujian ini terhadap 10 item soalan yang ditaksirkan.

Histogram 4.2 : Skor Responden bagi Pembentukkan Konsep Asas Kategori Kala Lampau



Berdasarkan data yang ditunjukkan dari histogram di atas yang berkenaan dengan skor bagi jawapan sahih yang diberikan oleh pelajar terhadap 10 item soalan, maka dapat dirumuskan bahawa penguasaan pelajar terhadap pembentukkan kaedah asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kata kerja kala lampau adalah di tahap baik iaitu kebanyakannya berada diantara skor 4 hingga 8, iaitu seramai 22 orang. Manakala baki sebahagian kecil berada di skor 1 hingga 3. Namun, tiada pelajar yang dapat memberikan skor yang cemerlang iaitu 9 dan 10 walaupun kemahiran pembentukkan kaedah asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kata kerja kala lampau ini adalah lebih mudah berbanding dengan kategori kata kerja kala kini.

IV) Dapatan dari ujian bertulis bahagian B (kata kerja Kala Kini)

Sepertimanauraiandapatkankajianyangterdahulubagikategoriakatakerjakala lampau, penyelidik membincangkan dapatan yang diperolehi dalam bahagian ini berkenaan pembentukkan kaedah asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kategori kata kerja kala kini, manakala dapatan bentuk kesalahan respon jawapan yang diberikan oleh responden bagi kategori ini dilanjutkan huraianya dalam perbincangan dapatan objektif ketiga.

Item kedua yang diuji dalam bahagian B ujian bertulis pula bagi mengukur kemampuan pelajar dalam menguasai pengetahuan konsep asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini (الفعل المضارع). Kaedah bagi kata kerja jenis ini adalah berbeza dengan kata kerja kala lampau sebagaimana yang dianalisis dalam bahagian yang terdahulu, dan ianya menunjukkan natijah serta dapatan yang tidak sama. Jadual 4.9 berikut memaparkan maklumat respon jawapan responden bagi kaedah asas pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini serta jenis kesalahan.

Jadual 4.10 : Analisis Jawapan Responden serta Jenis Kesalahan

Soalan	Jawapan Betul	Jawapan Salah	Jenis Kesalahan	
			Salah Pola Huruf	Salah Baris Huruf
يَضْرِبُ	13	12	0	12
يُقَاتِلُ	6	19	7	12
يَتَكَرَّمُ	13	12	0	12
يَسْتَعْمِلُ	13	12	0	12


يُكْلُ	0	25	24	1
يَعْدُ	17	8	0	8
يَصِفُ	0	25	25	0
يَتَالُ	17	8	7	1
يَنْهَىٰ	18	7	0	7
يَلِّي	0	25	24	1
Jumlah	97	153	87	66

Daripada dapatan yang dimuatkan dalam jadual 4.10 di atas, dapat dirumuskan bahawa ramai pelajar yang menghadapi masalah dan kekeliruan dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini. Hal ini dijelaskan melalui bilangan jawapan yang betul adalah lebih rendah iaitu 97 atau 39% berbanding dengan respon jawapan yang salah iaitu sebanyak 153 bersamaan 61%. Situasi ini amat berbeza dengan dapatan yang ditunjukkan dalam bahagian membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala lampau seperti mana yang dinyatakan dalam analisis berkenaan dengannya sebelum ini. Selain itu, terdapat tiga bentuk fe'el jenis kala kini ini yang gagal dijawab dengan betul oleh semua 25 orang responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini iaitu (يَلِّي / يَصِفُ / يُكْلُ). Ini adalah kerana ketiga-tiga bentuk fe'el ini melibatkan perubahan pola huruf apabila ditukarkan kepada kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Bagi situasi bentuk fe'el seperti ini, pelajar perlu mempunyai kemahiran yang lebih tinggi serta pemahaman yang mendalam dalam tajuk ini mengenalpasti perubahan pola huruf dan mengelakkan kekeliruan. Walaubagaimanapun, bagi bentuk fe'el yang mudah seperti (يَتَكَرَّمُ / يَضْرِبُ

sebahagian pelajar dapat memberikan respon jawapan yang betul iaitu (يَسْتَعْمِلُ) sebahagian pelajar dapat memberikan respon jawapan yang betul iaitu

seramai 13 orang atau 52%, manakala baki 12 orang memberikan respon sebaliknya. Bagi bentuk fe’el yang tidak melibatkan perubahan pola huruf seperti ini, maka kesalahan yang dilakukan adalah berkaitan dengan baris huruf. Secara umumnya, daripada maklumat yang diperolehi dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa penguasaan kaedah asas membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini adalah lebih sukar bagi pelajar berbanding dengan jenis kata kerja kala lampau.

Histogram 4.3 di bawah menunjukkan skor yang dicapai oleh 25 orang responden yang menjalani ujian seperti di atas terhadap 10 item soalan yang ditaksirkan.



Data dari histogram 4.3 ini adalah skor jawapan sahif yang diberikan oleh responden terhadap 10 item soalan yang ditukarkan kepada kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini. Berdasarkan kepada data yang dipaparkan ini iaitu bagi kategori kata kerja kala kini, dapat dijelaskan bahawa sebahagian besar pelajar menghadapi kekeliruan serta tidak dapat memberi jawapan yang betul. Hal ini ditunjukkan oleh skor jawapan betul yang diperolehi oleh seramai 16 orang responden

bersamaan 64% hanya di tahap skor 1 hingga 4 sahaja, manakala selebihnya berada di skor 5 hingga 7. Bahkan tiada pelajar yang dapat mencapai skor 8 ke atas. Situasi ini menggambarkan penguasaan pelajar dalam pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala kini adalah sederhana berbanding dengan jenis kata kerja kala lampau yang mencapai tahap baik.

4.1.3 Dapatan Objektif Kajian 2 :

“Menganalisis tahap penguasaan pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pelbagai variasi kata kerja mengikut kaedah sorf (morfologi) bahasa Arab”.

Bagi merumuskan capaian objektif kajian yang kedua iaitu analisis tahap penguasaan pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pelbagai variasi kata kerja mengikut kaedah sorf (morfologi) bahasa Arab, penyelidik merujuk kepada dapatan kajian dalam bentuk data kuantitatif dari soal selidik pada bahagian B unit 2 serta dari ujian bertulis pada bahagian B iaitu variasi kata kerja bagi jenis Kala Lampau dan Kala Kini. Dalam pada itu, rumusan bagi penguasaan pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi kedua-dua jenis kata kerja ini dalam bahagian B ujian bertulis adalah sepertimana yang dijelaskan dalam rumusan terdahulu iaitu objektif kajian pertama. Berikut penyelidik membentangkan dapatan yang diperolehi dari respon soal selidik yang dijalankan.

I) Dapatan dari soal selidik bahagian B (unit 2)

Dalam borang soal selidik bahagian B (unit 2), mengandungi item pentaksiran yang menjurus kepada penilaian terhadap pengetahuan responden dalam membina kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l mengikut kaedah sorf dalam pelbagai variasi fe’el serta pola huruf. Item ini disusun dari tahap soalan yang senang kepada tahap yang lebih sukar dalam dua bentuk fe’el atau kata kerja iaitu kata kerja Kala Lampau (الْفَعْلُ الْمُضَارِعُ)

dan kata kerja Kala Kini (الْفَعْلُ الْمَاضِيُّ). Ini adalah kerana kedua-dua bentuk kata kerja ini mempunyai kaedah pembinaan pola huruf serta baris yang berbeza bagi membentuk kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l.

Penyelidik menunjukkan dapatan kajian yang diperolehi daripada instrumen yang dijalankan adalah dalam bentuk data kuantitatif, iaitu respon melalui skala likert. Ia dirumuskan menerusi dua jadual di bawah iaitu bagi kerja Kala Lampau dan kata kerja Kala Kini yang merangkumi tujuh tahap serta kaedah pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l yang tidak sama.

Jadual 4.11 : Pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l bagi kata kerja Kala Lampau (الْفَعْلُ الْمَاضِيُّ)

Item	Variansi fe’el mengikut pola huruf	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1.	كتَبَ (الفَعْلُ الْثَالِثُ الصَّحِيحُ)	2	3	9	24	12	3.82
2.	أَكْرَمَ (الفَعْلُ الرَّبِيعُ الصَّحِيحُ)	4	9	18	15	4	3.12
3.	إِفْتَحَ (الفَعْلُ الْخَمْسُ الصَّحِيحُ)	1	12	24	13	0	2.98
4.	إِسْتَخْرَجَ (الفَعْلُ السُّدُّسُ الصَّحِيحُ)	2	13	21	13	1	2.96


5.	وضعٌ (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ الْمِثَالُ) seperti;	2	10	19	15	4	3.18
6.	قالٌ (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ الْأَجْوَفُ) seperti;	2	13	27	8	0	2.82
7.	دَعَاً (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ النَّاقِصُ) seperti;	6	11	26	7	0	2.68
	Peratus Skala Likert	6%	20%	41%	27%	6%	

Jadual 4.12 : Pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l bagi kata kerja Kala Kini
(الْفِعْلُ الْمُضَارِعُ)


Item	Variasi fe'el mengikut pola huruf	Frekuensi Skala Likert					Min
		1	2	3	4	5	
1.	يَكْتُبُ (الْفِعْلُ التَّالِيُّ الصَّحِيحُ) seperti;	0	4	19	19	8	3.62
2.	يُكْرِمُ (الْفِعْلُ الرَّبِاعِيُّ الصَّحِيحُ) seperti;	1	10	20	16	3	3.20
3.	يَفْتَخِرُ (الْفِعْلُ الْخَمْسَيُّ الصَّحِيحُ) seperti;	1	9	25	14	1	3.10
4.	يَسْتَخْرُجُ (الْفِعْلُ السُّدُّسَيُّ الصَّحِيحُ) seperti;	1	3	22	13	1	3.00
5.	يَضْعُ (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ الْمِثَالُ) seperti;	1	16	20	9	4	2.98
6.	يَقُولُ (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ الْأَجْوَفُ) seperti;	2	13	25	9	1	2.88
7.	يَدْعُ (الْفِعْلُ الْمُعَتَلُ النَّاقِصُ) seperti;	4	12	26	7	1	2.78
	Peratus Skala Likert	3%	22%	45%	25%	5%	

Jadual 4.11 dan jadual 4.12 di atas menunjukkan frekuensi, peratus serta min yang dicatat daripada respon para responden terhadap item soalan yang berkaitan dengan pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l mengikut bentuk pola huruf kata kerja. Secara umumnya, kebanyakkan pelajar memberikan respon ‘tidak pasti’ terhadap kefahaman mereka berkaitan dengan kemahiran ini, iaitu 41% bagi fe'el dalam bentuk kata kerja Kala Lampau dan 45% bagi kata kerja Kala Kini. Manakala baki peratusan menunjukkan imbangan yang hampir setara di antara kumpulan pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran ini dengan yang sebaliknya, dengan sedikit kelebihan kepada kumpulan yang dapat menguasai kemahiran ini dengan baik.

Histogram 4.4 : Min Item Pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l bagi Kala Lampau (*الفِعْلُ الْمَاضِيُّ*)



Histogram 4.5 : Min Item Pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l bagi Kala Kini (*الفِعْلُ الْمُضَارِعُ*)



Rumusan min pembentukkan kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l bagi bentuk fe'el Kala Lampau dan Kala Kini adalah seperti yang dipaparkan oleh carta histogram di atas. Melalui maklumat ini dapat dijelaskan bahawa ramai pelajar yang dapat memahami kemahiran pembentukan kata kerja ini bagi bentuk fe'el yang mudah seperti (*الفِعْلُ الْثَلَاثِيُّ الصَّحِيحُ*) iaitu kata kerja sohi:h tiga huruf, iaitu skor min ‘cemerlang’ 3.82 bagi kata kerja Kala lampau dan skor min 3.62 bagi kata kerja Kala

Kini. Namun begitu, bagi peringkat bentuk fe’el yang lebih sukar, skor min dalam histogram ini menunjukkan berlaku penyusutan. Keadaan ini menjelaskan bahawa pelajar semakin sukar untuk menguasai kemahiran membina kata kerja ini bagi fe’el yang mempunyai pola huruf yang tidak tetap seperti fe’el Mu’tall (الْفَعْلُ الْمُعْتَلُ), iaitu fe’el yang mengandungi huruf-huruf ‘illah (ي, و, ا) . Secara keseluruhannya, skor min bagi kemampuan pelajar menguasai pengetahuan ini bagi kedua-dua bentuk kata kerja ini iaitu Kala Lampau dan Kala Kini adalah sederhana sahaja.

4.1.4 Dapatan Objektif Kajian 3 :

“Mengenalpasti bentuk kekeliruan serta kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta penggunaannya dalam membina ayat serta menulis karangan”.

Maklumat yang diperolehi bagi menunjukkan dapatan kepada objektif kajian yang ketiga adalah dari ujian bertulis yang dilakukan ke atas responden pada bahagian B dan bahagian C. Dalam bahagian B, penyelidik dapat melihat bentuk kekeliruan pelajar dalam membina kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul mengikut konsep asas yang dipelajari berdasarkan kaedah sorf bahasa Arab samada bagi kata kerja Kala lampau atau kata kerja Kala Kini. Manakala dalam bahagian C pula, penyelidik turut mengukur bentuk kekeliruan serta kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar dalam membina kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul serta penggunaannya dalam membina ayat dengan mengambilkira aplikasi nahuan yang sahih. Penyelidik menggunakan tiga bentuk item pentaksiran mengikut format yang digunakan dalam peperiksaan awam

SPM. Jesteru penyelidik cerakinkan huraian dapatan kajian dari ketiga-tiga bahagian ini bagi menjelaskan natijah yang diperolehi terhadap objektif ketiga kajian ini.

I) Dapatan ujian bertulis bahagian B

i) Dapatan bentuk kesalahan bagi kategori kata kerja Kala Lampau

Data yang dipaparkan di bawah ini adalah dapatan yang diperolehi berkenaan dengan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari aspek pengetahuan konsep asas kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul serta kekerapannya. Jadual di bawah ini menunjukkan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam respon jawapan bagi membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dari kategori kata kerja kala lampau.

Jadual 4.13 : Analisis Bentuk Kesalahan serta Kekerapan

Bil.	Soalan	Salah Pola Huruf		Salah Baris Huruf	
		Bentuk Kesalahan	Kekerapan	Bentuk Kesalahan	Kekerapan
1.	ضَرَبَ	-	-	ضُرَبَ	7
		-	-	ضَرِبَ	1
2.	قُاتِلَ	قُاتَلَ	6	قُوْتَلَ	1
		قَاتِلَ	4	-	-
		قَاتَلَ	1	-	-
		فُتَلَ	5	-	-
3.	تَكَرَّمَ	-	-	تُكَرَّمَ	8
4.	إِسْتَعْمَلَ	-	-	أَسْتَعْمِلُ	3
		-	-	أُسْتَعْمَلُ	4
		-	-	إِسْتَعْمَلَ	1
5.	أَكَلَ	-	-	أُكَلَ	2
		-	-	أُكَلَ	2

6.	عَدٌ	-	-	عِدَّ	5
		-	-	عُدٌّ	4
		-	-	عُدُّ	5
7.	وَصْفٌ	-	-	وُصْفٌ	7
		-	-	وَصِيفٌ	1
8.	كَافٌ	ئُولَّ	5	يَنْبَلَّ	2
		ئُلَّا	12	-	-
		ئُلَّ	2	-	-
		ئُلَّا يَ	3	-	-
9.	نَهْيٌ	ئُوهِيَ	2	نُهَيٌ	13
		-	-	نُهِيٌ	2
10.	وَكِيٌّ	-	-	وَلِيَّ	2
		-	-	وَكِيٌّ	1
		-	-	وُلَيٌّ	1
Jumlah		40			71

Daripada semakan terhadap jawapan pelajar pada bahagian item ini, penyelidik dapat mengenalpasti bentuk kesalahan samaada dari aspek baris huruf atau pertukaran pola huruf pada sesuatu fe'el dalam kategori ini. Antaranya adalah seperti berikut;

- a. Terdapat dua bentuk kesalahan jawapan pada fe'el ضَرَبَ yang sepatutnya

ضُرِبٌ, iaitu;

- ضَرَبٌ kekerapan 7
- ضَرِبٌ kekerapan 1

b. Terdapat lima bentuk kesalahan jawapan pada fe'el قاتل yang sepatutnya قُتيل,

iaitu;

- قاتل kekerapan 6
- قاتل kekerapan 4
- قاتل kekerapan 1
- قتل kekerapan 5
- قُتيل kekerapan 1

c. Terdapat satu bentuk kesalahan respon pada fe'el تکرم yang sepatutnya نکرم,

iaitu;

- نکرم kekerapan 8

d. Terdapat tiga bentuk kesalahan respon jawapan pada fe'el استعمل yang sepatutnya أستعمل, iaitu;

- أستعمل kekerapan 3
- أستعمل kekerapan 4
- استعمل kekerapan 1

e. Terdapat dua bentuk kesalahan respon jawapan pada fe'el أَكِلَ yang sepatutnya

أَكِلٌ, iaitu;

- أَكِلٌ kekerapan 2

- أَكُلٌ kekerapan 2

f. Manakala bentuk kesalahan bagi fe'el عَدَّ yang jawapannya عُدَّ ada tiga,

iaitu;

- عَدَّ kekerapan 5

- عُدَّ kekerapan 4

- عُدُّ kekerapan 5

g. Bentuk kesalahan bagi fe'el وَصَفَّ yang jawapannya وُصْفٌ pula ada dua, iaitu;

- وُصْفٌ kekerapan 7

- وَصَفٌ kekerapan 1

h. Bagi fe'el تَأْلِيلٌ yang sepatutnya تَأْلِيلٌ pula, terdapat lima bentuk kesalahan, iaitu;

- تُؤْلِيلٌ kekerapan 7

• ﻃَالْ kekerapan 1

• ﻂَلْ kekerapan 7

• ﻉَلَيْ kekerapan 7

• ﻊَلِيْ kekerapan 7

i. Terdapat dua bentuk kesalahan respon jawapan pada fe'el ^{نَهِيٌّ} yang sepatutnya

, ^{نَهِيٌّ}, iaitu;

• ^{نَهِيٌّ} kekerapan 13

• ^{نَهِيٌّ} kekerapan 2

j. Bagi respon item terakhir pada bahagian ini, iaitu fe'el ^{وَلِيٌّ} yang jawapannya

^{وَلِيٌّ} ada tiga bentuk kesalahan, iaitu;

• ^{وَلِيٌّ} kekerapan 1

• ^{وَلِيٌّ} kekerapan 1

• ^{وَلِيٌّ} kekerapan 1

Melalui dapatan ini juga penyelidik mendapati bahawa kebanyakkan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari aspek pengetahuan konsep asas kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah dari segi baris huruf iaitu sebanyak 71 kekerapan kesalahan yang

dilakukan. Baris huruf amat penting dalam memastikan fungsi serta perbezaan antara kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan sebaliknya. Manakala kesalahan dalam bentuk pola huruf pula mencatatkan sebanyak 40 kesalahan.

ii) Dapatan bentuk kesalahan bagi kategori kata kerja Kala Kini

Jadual 4.14 di bawah ini menunjukkan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dalam respon jawapan bagi membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dari kategori kata kerja kala kini.

Jadual 4.14 : Analisis Bentuk Kesalahan serta Kekerapan

Bil.	Soalan	Salah Pola Huruf		Salah Baris Huruf	
		Bentuk Kesalahan	Kekerapan	Bentuk Kesalahan	Kekerapan
1.	يَضْرِبُ	-	0	يُضْرِبُ	12
2.	يُقَاتِلُ	يُقْتَلُ	3	يُقَاتِلُ	11
		يُقْوَّلُ	4	يُقَاتِلُ	1
3.	يَتَكَرُّمُ	-	0	يَتَكَرُّمُ	12
4.	يَسْتَعْمِلُ	-	0	يَسْتَعْمِلُ	12
5.	يَأْكُلُ	يُأْكُلُ	18	يُؤْكِلُ	1
		يَأْكُلُ	6	-	0
6.	يَعْدُ	-	0	يُعَدُّ	3
		-	0	يُعِدُّ	0
7.	يَصْفُ	يُصَفُّ	24	-	0
		يُصِفُّ	1	-	0
8.	يَنْبَالُ	يُنَالُ	1	يُنَالُ	1
		يُنِبَالُ	6	-	0
9.	يَنْهَىٰ	-	0	يُنْهِيٰ	7

		بِلِيٌ	10	بِلِيٌ	1
10.	بِلِيٌ	بِلِيٌ	11	-	0
		بِلِيٌ	3	-	0
	Jumlah		87		66

Semakan jawapan pelajar pada bahagian ini iaitu pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l jenis kata kerja kala kini menampakkan hasil yang berbeza. Kebanyakkannya bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah dari aspek kekeliruan penukaran pola huruf berbanding dengan kesalahan dalam aspek baris huruf. Ini adalah kerana kategori kata kerja kala kini banyak melibatkan penukaran pola huruf apabila digunakan dalam bentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l, terutamanya bagi jenis fe'el mu'tall dan sohi:h mahmu:z. Kekeliruan yang serupa juga turut diperolehi oleh Mohd Zaki bin Abdul Latif (2003) "Derivasi Kata Kerja Mu'tal dalam bahasa Arab" yang menyatakan bahawa pelajar menghadapi masalah ketika menderivasikan kata kerja khususnya bagi jenis kata kerja Mu'tall. Antara bentuk kesalahannya adalah seperti berikut;

a. Satu bentuk kesalahan jawapan pada fe'el يَضْرِبُ yang sepatutnya يُضْرِبُ, iaitu;

- يُضْرِبُ kekerapan 12

b. Terdapat empat bentuk kesalahan jawapan pada fe'el يُقَاتِلُ yang jawapannya

يُقاَتِلُ, iaitu;

- يُفَتَّلُ kekerapan 3

• يَقُولُ kekerapan 4

• يُقَاتِلُ kekerapan 11

• يُقَاتِلُ kekerapan 1

c. Terdapat satu bentuk kesalahan respon pada fe'el يَتَكَرَّمُ yang sepatutnya يَتَكَرَّمُ, iaitu;

• يَتَكَرَّمُ kekerapan 12

d. Bentuk kesalahan fe'el يَسْتَعْمِلُ yang sepatutnya يُسْتَعْمِلُ terdapat satu kesalahan, iaitu;

• يُسْتَعْمِلُ kekerapan 2

e. Terdapat tiga bentuk kesalahan respon pada fe'el يَأْكُلُ yang jawapannya يُؤْكِلُ, iaitu;

• يُأْكِلُ kekerapan 18

• يَأْكِلُ kekerapan 6

• يُؤْكِلُ kekerapan 1

f. Bentuk kesalahan bagi *fe'el* يَعْدُ yang jawapannya يُعَدُ pula ada dua, iaitu;

- يُعَدُ kekerapan 3
- يُعَدُ kekerapan 5

g. Bagi *fe'el* يَصِفُ yang sepatutnya يُوصَفُ pula, terdapat dua bentuk kesalahan,

iaitu;

- يُصَفُ kekerapan 24
- يُصَفُ kekerapan 1

h. Terdapat tiga bentuk kesalahan respon jawapan pada *fe'el* يَتَّلُّ yang sepatutnya

يُتَّلُّ, iaitu;

- يُتَّلُّ kekerapan 1
- يُتَّلُّ kekerapan 6
- يُتَّلُّ kekerapan 1

i. Terdapat satu bentuk kesalahan respon jawapan pada *fe'el* يَنْهَى yang

jawapannya يُنْهِى, iaitu;

- يُنْهِى kekerapan 7

- j. Respon item terakhir, iaitu fe'el يَلِيْ yang jawapannya يُولِي ada empat bentuk kesalahan, iaitu;
- يُلِيْ kekerapan 10
 - يُلِيْ kekerapan 11
 - يَلِيْ kekerapan 3
 - يُولِيْ kekerapan 1

III) Dapatan ujian bertulis bahagian C

Dalam bahagian ini pula, penyelidik menjalankan ujian kepada responden dengan item soalan seperti yang ditaksir dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi mata pelajaran bahasa Arab. Bentuk pentaksiran ini merangkumi sampel soalan yang diuji di dalam pentaksiran iaitu dari format kertas satu atau dua.

i) Dapatan unit 1 : Tukar ayat kata kerja Al-Mabny Li Al-Maklu:m kepada kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul dengan mengubah aplikasi nahuannya.

Item pentaksiran yang digunakan dalam unit ini menilai pengetahuan pelajar dalam menukar struktur ayat yang menggunakan kata kerja Al-Mabny Li Al-Maklu:m kepada kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul dengan mengubah aplikasi nahan yang berkaitan dengannya mengikut kaedah sorf bahasa Arab. Daripada bentuk pentaksiran yang dijalankan ini, penyelidik dapat mengesan bentuk kekeliruan yang dilakukan

oleh pelajar samada dalam membina kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l juga kesalahan penggunaannya serta aplikasi nahuhan dalam membina struktur ayat bahasa Arab.

Bentuk item soalan pada bahagian ini adalah dari format peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia iaitu kertas satu. Ia adalah jenis item pentaksiran objektif dari konteks soalan daripada silibus ilmu sorf yang mengukur konstruk dalam bentuk aplikasi pengetahuan ilmu nahu dan sorf di peringkat menengah. Penyelidik mengemukakan lima soalan pada bahagian ini yang mana sebahagian daripadanya adalah dipetik dari soalan sebenar peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun 2004 bahagian sorf. Melalui item soalan ini, pelajar diminta untuk menukar struktur ayat yang mempunyai kata kerja al-Mabniyy Li al-Ma'lū:m (kata kerja Aktif) kepada kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l (kata kerja Pasif) serta mengaplikasikan kaedah nahuhan yang berkaitan dengannya.

Daripada penelitian dan semakan terhadap jawapan yang diberikan oleh responden, didapati bahawa tiada seorang pun dari kalangan mereka yang mampu menjawab dengan tepat bagi semua soalan yang diberikan. Bahkan hanya beberapa orang sahaja yang dapat menjawab soalan dengan betul iaitu soalan 1 dan 5. Diantara bentuk kesalahan yang lazim dilakukan adalah seperti berikut;

- i) Kesalahan pola huruf.
- ii) Kesalahan baris huruf.
- iii) Salah kerana sebut pelaku.
- iv) Salah penggunaan ḥomi:r pada fe'el.
- v) Tidak langsung menyebut pelaku ganti.

Berikut adalah rumusan kepada setiap soalan yang diuji dalam bahagian ini.

Soalan 1:

	١. يُضْرِبُ الْوَلَدُ الْقِطْطَةَ.
Bentuk Kesalahan	Contoh Kesalahan
Kesalahan baris huruf.	يُضْرِبُ الْقِطْطَةَ
Salah kerana sebut pelaku	يُضْرِبُ الْوَلَدُ الْقِطْطَةَ
Salah penggunaan ḍomi:r pada fe'el	يُضْرِبُ الْقِطْطَةَ
Jumlah	28

Soalan ini adalah contoh soalan sebenar yang ditaksir di dalam peperiksaan SPM.

Daripada 25 orang responden yang memberikan jawapan, hanya tiga orang sahaja yang dapat menjawab dengan betul. Bentuk kesalahan yang banyak dilakukan adalah salah menggunakan ḍomi:r pada fe'el bagi kata nama feminin dan maskulin iaitu sebanyak 21 kesalahan. Manakala kesalahan yang lain adalah kecil iaitu seperti kesalahan meletakkan baris huruf iaitu 3 kesalahan dan salah kerana menyebut pelaku serta tidak menggantikannya dengan pelaku ganti pula sebanyak 4 kekerapan..

Soalan 2:

	٢. أَكْرَمَتْ فَاطِمَةُ وَالْدُّهَاءَ.
Bentuk Kesalahan	Contoh Kesalahan
Salah kerana sebut pelaku	أَكْرَمَتْ فَاطِمَةُ وَالْدُّهَاءَا
Salah penggunaan ḍomi:r pada fe'el	أَكْرَمَتْ وَالْدُّهَاءَا
Tidak disebut pelaku ganti	أَكْرَمَتْ
Jumlah	29

Soalan ini juga adalah contoh soalan sebenar yang ditaksir di dalam peperiksaan SPM.

Semakan terhadap jawapan yang diberikan oleh responden menunjukkan tiada seorang pun dari kalangan mereka yang dapat memberikan jawapan yang tepat. Kebanyakkannya salah menggunakan ḍomi:r pada fe'el iaitu 25 kesalahan. Manakala kesalahan lain pula ialah menyebut pelaku bagi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l iaitu 3

kekerapan, dan satu jawapan yang melibatkan kesalahan tiada disebut pelaku ganti bagi fe’el.

Soalan 3 :

٣. يَضْعُ عُثْمَانُ الْكِتَابَ فِي الدَّرْجِ.

Bentuk Kesalahan	Contoh Kesalahan	Kekerapan
Kesalahan pola huruf.	يُضَعُ الْكِتَابَ فِي الدَّرْجِ	25
Salah kerana sebut pelaku	يُضَعُ عُثْمَانُ الْكِتَابَ فِي الدَّرْجِ	3
Jumlah		28

Soalan ketiga ini juga dipetik dari soalan sebenar peperiksaan SPM. Semua pelajar juga gagal menjawab dengan tepat soalan ini kerana keliru pada perubahan pola huruf bagi fe’el yang terdiri daripada huruf ‘illah di awalnya iaitu kata kerja Mu’tal al-Miθa:l. Manakala 3 kesalahan lain pula ialah kerana menyebut pelaku bagi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang sepatutnya digantikan dengan pelaku ganti.

Soalan 4 :

٤. يَبِيعُ الْبَايْعُ الْأَسْمَاكُ بِشَمَنٍ رَّخِيْصٍ.

Bentuk Kesalahan	Contoh Kesalahan	Kekerapan
Kesalahan pola huruf.	يُبِيعُ الْأَسْمَاكُ بِشَمَنٍ رَّخِيْصٍ	22
Salah kerana sebut pelaku	يَبِيعُ الْبَايْعُ الْأَسْمَاكُ بِشَمَنٍ رَّخِيْصٍ	4
Salah penggunaan ḥomi:r pada fe’el	يَبِيعُ \ يَبِيعُ الْأَسْمَاكُ بِشَمَنٍ رَّخِيْصٍ	25
Tidak disebut pelaku ganti	يُبِيعُ بِشَمَنٍ رَّخِيْصٍ	1
Jumlah		52

Menerusi soalan 4 ini, penyelidik mengukur penguasaan pelajar membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi fe’el dari jenis kata kerja Mu’tall al-Ajwaf. Dari semakan yang dilakukan, semua pelajar tidak berjaya menjawab dengan betul kerana kesalahan besar mereka ialah salah menggunakan ḥomi:r yang betul pada fe’el dan kekeliruan pada perubahan pola huruf bagi jenis kata kerja Mu’tall al-Ajwaf. Selain

itu, terdapat juga pelajar yang melakukan kesalahan lain seperti kesalahan kerana menyebut pelaku dan kesalahan kerana tidak langsung menyebut pelaku ganti.

Soalan 5 :

٥. رَمَى الطَّالِبُ الْقُمَامَةَ فِي الْمَزَبَلَةِ.

Bentuk Kesalahan	Contoh Kesalahan	Kekerapan
Kesalahan pola huruf.	رُمِتْ الْقُمَامَةُ فِي الْمَزَبَلَةِ	2
Salah kerana sebut pelaku	رُمِيَ الطَّالِبُ الْقُمَامَةَ فِي الْمَزَبَلَةِ	3
Salah penggunaan ڏomi:r pada fe'el	رُمِيَ الْقُمَامَةَ فِي الْمَزَبَلَةِ	22
Tidak disebut pelaku ganti	رُمِيَ — فِي الْمَزَبَلَةِ	1
Jumlah		28

Dalam soalan ini, kemahiran yang diukur adalah membentuk kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l bagi fe'el dari jenis kata kerja Mu'tall al-Na:qis. Hanya seorang pelajar yang memberi respon jawapan yang tepat. Manakala bagi respon jawapan yang lain, kesalahan yang ketara dilakukan oleh pelajar dalam menjawab soalan ini sama dengan kesalahan pada soalan-soalan yang sebelum ini iaitu salah menggunakan ڏomi:r yang betul pada fe'el, sebanyak 22 kesalahan. Selain itu, kesalahan lain hanya melibatkan segelintir pelajar sahaja seperti kesalahan pada perubahan pola huruf, salah kerana menyebut pelaku bagi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan juga kesalahan kerana langsung tidak menyebut pelaku ganti.

Jadual 4.15 : Analisis Keseluruhan Bentuk Kesalahan Tukar Kata Kerja Aktif Kepada Kata Kerja Pasif Serta Aplikasi Nahuan

Bil.	Bentuk Kesalahan	Kekerapan	Peratus
1.	Kesalahan pola huruf.	49	29%
2.	Kesalahan baris huruf	3	2%
3.	Salah kerana sebut pelaku	17	10%
4.	Salah penggunaan ڏomi:r pada fe'el	93	57%
5.	Tidak langsung menyebut pelaku ganti	3	2%
Jumlah		165	100%

Penyelidik mengemukakan lima item soalan dalam bahagian ini bagi mengukur keupayaan pelajar menukar kata kerja Aktif kepada kata kerja Pasif dengan mengambilkira aplikasi nahan yang sesuai dengan struktur ayat. Tiga soalan pertama adalah dipetik dari soalan sebenar SPM manakala baki dua soalan lagi dibina bagi mengukur kemampuan pelajar dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l mengikut kaedah serta variasi fe'el tersendiri. Oleh itu, maklumat yang ditunjukkan melalui jadual 4.15 di atas merumuskan dapatan bahawa sememangnya pelajar keliru dalam menguasai kemahiran ini. Kekeliruan utama di kalangan mereka adalah dalam menggunakan ḍomi:r yang betul pada fe'el yang ditukar kepada al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu dengan merujuk ḍomi:r kepada pelaku sedangkan sepatutnya ḍomi:r dirujuk kepada pelaku ganti yang asalnya adalah objek (*maf'u:l bihi*). Ia mewakili sebanyak 93 daripada kesalahan dilakukan iaitu 57%. Situasi yang hampir sama diperolehi oleh Manisah binti Mahd Nor (2000) ketika membuat kajian tentang “Penggunaan al-ḍama:ir dalam karangan” yang mendapati bahawa bentuk kesalahan yang paling ketara yang dilakukan oleh pelajar adalah kesalahan penggunaan ḍamir pada kata kerja iaitu 161 kekerapan yang mewakili 53% dari kekerapan keseluruhan.

Kesalahan yang ketara juga adalah seperti kesalahan mengubah pola huruf mengikut kaedah membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang betul yang menunjukkan 49 kekerapan atau 29%. Kekeliruan ini berlaku pada fe'el jenis Mu'tall yang mempunyai huruf-huruf ‘illah. Manakala kesalahan lain seperti salah meletak baris, salah kerana menyebut pelaku dan salah kerana tidak menyebut pelaku ganti hanyalah melibatkan segelintir pelajar sahaja.

ii) Dapatkan unit 2 : Bina ayat dari arahan (tatabahasa) yang diberikan.

Format soalan membina ayat yang lengkap berpandukan arahan yang diberikan, adalah salah satu daripada bentuk item soalan yang ditaksir di dalam kertas dua bagi peperiksaan SPM. Bentuk soalan ini biasanya melibatkan silibus tatabahasa Arab iaitu nahu dan sorf. Penyelidik mengambil contoh format soalan ini untuk mengukur kemampuan pelajar membina ayat melalui arahan soalan khususnya dalam pemahaman yang berkaitan dengan pembinaan kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l serta kaedah nahuan yang berkenaan dengannya.

Dalam bahagian ini, penyelidik mengemukakan tiga soalan yang mana salah satu daripadanya adalah dipetik dari soalan sebenar peperiksaan SPM tahun 2006. Daripada penelitian terhadap jawapan yang diberikan oleh responden, tiada seorang pun dari kalangan mereka yang dapat memberikan jawapan yang tepat bagi kesemua tiga soalan yang dikemukakan. Hanya tiga jawapan dari soalan satu dan soalan dua sahaja yang betul, manakala selebihnya adalah jawapan yang tidak tepat kerana terdapat kesalahan dan kekeliruan tertentu.

Berikut adalah di antara bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar di dalam jawapan yang diberikan.

- i) Kekeliruan pola huruf pada Fe’el Sohi:h Mahmu:z
- ii) Kesalahan baris huruf (fe’el al-Mabniyy Li al-Majhu:l)
- iii) Salah kerana sebut pelaku
- iv) Salah penggunaan ḍomi:r pada fe’el
- v) Salah kerana gunakan Fe’el La:zim sebagai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l
- vi) Salah gunakan jenis fe’el dalam arahan (Ma:ḍi / Muḍa:ri’)

- vii) Ayat tidak lengkap
- viii) Salah maksud ayat
- ix) Tidak menyebut pelaku ganti

Berikut adalah rumusan respon jawapan serta bentuk kesalahan yang dikesan bagi setiap jawapan yang diberikan oleh pelajar dalam bahagian ini.

Soalan 1 :

1. حُمْلَةٌ فِيهَا فِعْلٌ مَاضِيٌّ مَبْنِيٌّ لِلمَجْهُولِ.		
Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kekeliruan pola huruf pada Fe'el Mahmu:z	يُكَلُّ الْأَرْزُ فِي الْمَطْعَمِ	1
Kesalahan baris huruf (fe'el)	أَكْرَمَتِ الْطَّالِبَةِ	1
Salah kerana sebut pelaku	صُرِبَ الْوَالِدُ الْقِطْطَةَ	5
Salah penggunaan ðomi:r pada fe'el	لُعَبَ كُرَةُ الْقَدْمَ	6
Salah kerana gunakan Fe'el La:zim	ذُهِبَ إِلَى الْمَدْرَسَةِ	4
Salah gunakan jenis fe'el dari dalam arahan	يُقْرَأُ الْقُرْآنُ	4
Ayat tidak lengkap	قُرِئَ هَذَا ...	2
Tidak menyebut pelaku ganti	لُعَبَ فِي الْقَاعَةِ	1
		Jumlah
		24

Menerusi item soalan ini, penyelidik menilai kemahiran pelajar dalam membentuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kata kerja kala lampau serta aplikasi nahan yang berkenaan dengannya. Daripada kesemua 25 orang responden yang menyertai ujian ini, hanya tiga orang sahaja yang dapat memberikan jawapan yang tepat. Selebihnya adalah jawapan yang tidak tepat kerana terdapat 24 kesalahan seperti yang dijelaskan di atas. Kesalahan yang paling banyak dilakukan ialah salah menggunakan ðomi:r pada fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Pelajar keliru dengan

merujuk ḍomi:r yang digunakan pada fe'el kepada pelaku, sedangkan sepatutnya ḍomi:r itu dirujuk kepada pelaku ganti. Selain itu, kesalahan kerana menyebut pelaku bagi fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l menunjukkan 5 kekerapan. Manakala salah kerana menggunakan fe'el La:zim dan salah menggunakan jenis fe'el seperti dalam arahan soalan masing-masing mencatat 4 kekerapan. Kesalahan-kesalahan kecil dalam jawapan bagi soalan ini adalah seperti membina struktur ayat tidak lengkap, tidak menyebut pelaku ganti, salah letak baris huruf fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan salah menukar pola huruf dalam fe'el Sohi:h Mahmu:z.

Soalan 2 :

٢. جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ الْفَعْلُ فِيهَا مُضَارِعٌ مِبْنِيٌّ
لِلْمَحْهُولِ.

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kekeliruan pola huruf pada Fe'el Mahmu:z	يُأكِلُ الأَرْزُ فِي الْمَطْعَمِ	4
Kesalahan baris huruf (fe'el)	يُقْرَأُ الْقُرْآنُ	7
Salah kerana sebut pelaku	يُكْتُبُ الْبُنَانُ الرِّسَالَةُ	7
Salah penggunaan ḍomi:r pada fe'el	يُكْتُبُ الرِّسَالَةُ	3
Salah kerana gunakan Fe'el La:zim	يُذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ	1
Ayat tidak lengkap	يُلْعَبُ هَذَا....	1
Tidak menyebut pelaku ganti	يُشَرِّبُ فِي الْمَطْعَمِ	1
Jumlah		24

Bagi item soalan kedua ini pula, ukurannya adalah menjurus kepada kemahiran membentuk ayat yang mempunyai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis kala kini serta kaedah nahuan yang berkenaan. Terdapat hanya tiga jawapan sahaja yang tepat dan selebihnya terdapat kesalahan-kesalahan yang hampir sama dengan soalan terdahulu. Dua bentuk kesalahan utama yang dikesan pada jawapan bagi soalan ini ialah kesalahan meletak baris huruf fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l jenis kala kini, dan salah kerana menyebut pelaku bagi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Selain itu,

kekeliruan perubahan pola huruf pada fe'el Sohi:h Mahmu:z dan salah penggunaan ðomi:r pada fe'el masing-masing mencatat 4 dan 3 kekerapan. Bagi kesalahan kecil yang mencatat 1 kekerapan adalah seperti salah kerana menggunakan fe'el La:zim, struktur ayat yang tidak lengkap dan tiada menyebut pelaku ganti bagi fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l.

Soalan 3 :

٣. جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ نَائِبُ الْفَاعِلِ فِيهَا جَمْعُ التَّكْسِيرِ.

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kekeliruan pola huruf	يُأكِلُ الأَرْزُ فِي الْمَطْعَمِ	1
Kesalahan baris huruf (fe'el)	يُضْرِبُ الْقِطْعَةُ	7
Salah kerana sebut pelaku	يُضْرِبُ الرِّحَالُ الْقِطْعَةَ	9
Salah penggunaan ðomi:r pada fe'el	نَظَمَ الْكَرَاسِيُّ	7
Salah kerana gunakan Fe'el Lazim	يُذْهَبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ	5
Ayat tidak lengkap	يُلْعَبُ فِي	3
Tidak menyebut pelaku ganti	يُؤْكِلُ فِي الْمَطْعَمِ	1
Jumlah		33

Soalan ketiga ini dipetik dari soalan sebenar peperiksaan SPM tahun 2006. Ia adalah soalan membina struktur ayat yang mempunyai pelaku ganti yang secara langsung berkaitan dengan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Melalui semakan terhadap jawapan yang diberikan oleh pelajar, tiada seorang pun dari kalangan responden yang dapat memberikan jawapan yang betul. Dalam pada itu, sebanyak 33 kesalahan dikesan dari jawapan pelajar yang mana bentuk kesalahannya adalah sama dengan kesalahan dalam soalan sebelum ini. Kesalahan lazim dilakukan oleh pelajar antaranya salah kerana menyebut pelaku, salah letak baris mengikut kaedah kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dan salah menggunakan ðomi:r pada fe'el yang tidak sepadan

dengan pelaku ganti. Manakala kesalahan-kesalahan lain adalah hampir sama dengan kesalahan yang dicatat dalam jawapan bagi soalan yang terdahulu.

Jadual 4.16 : Analisis Keseluruhan Item Bina Ayat Yang Lengkap Dari Arahan Yang Diberikan

Bil.	Bentuk Kesalahan	Kekerapan	Peratus
1	Kekeliruan pola huruf pada Fe'el Sohi:h Mahmu:z	6	8%
2	Kesalahan baris huruf fe'el (al-Mabny Li al-Majhu:l)	15	19%
3	Salah kerana sebut pelaku	21	26%
4	Salah penggunaan ḍomi:r pada fe'el	16	20%
5	Salah kerana gunakan Fe'el La:zim sebagai kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l	10	12%
6	Salah gunakan jenis fe'el dalam arahan (Ma:ḍiy / Muḍa:ri')	4	5%
7	Ayat tidak lengkap	6	8%
8	Salah maksud ayat	1	1%
9	Tidak menyebut pelaku ganti	1	1%
Jumlah.		80	100%

Rumusan keseluruhan bagi item membina ayat yang lengkap dari arahan nahu dalam soalan seperti yang dipaparkan dalam jadual 4.16 di atas masih menunjukkan bahawa permasalahan utama pelajar dalam menguasai tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l adalah kekeliruan pada memahami konsep nahuan yang berkaitan dengan tajuk ini iaitu pemansuhan pelaku dan pertukaran objek dalam ayat menjadi pelaku ganti. Hal ini dijelaskan menerusi 21 kesalahan iaitu 26% yang dikesan dari respon jawapan pelajar berhubung dengan kekeliruan ini. Begitu juga dengan kesalahan penggunaan ḍomi:r pada fe'el yang mencatat sebanyak 16 atau 20% kesalahan. Seterusnya kesalahan meletakkan baris pada huruf fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l) dan tidak menepati kaedah pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Ia menunjukkan 15 kesalahan yang dilakukan oleh pelajar atau 19%. Manakala kesalahan-kesalahan lain seperti yang disenaraikan dalam jadual di atas melibatkan sebahagian kecil pelajar dan ia juga diantara kesalahan yang lazim di dalam tajuk ini.

ii) Dapatan unit 3: Penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam membina ayat.

Dalam bahagian ini pula, penyelidik menilai kemahiran pelajar membentuk ayat lengkap yang mengandungi fungsi kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam pelbagai jenis dan variasi fe’el serta aplikasi nahuan yang berkaitan dengannya. Ia melambangkan keupayaan pelajar menterjemahkan kefahaman mereka terhadap tajuk ini dalam penulisan ayat atau karangan dengan kaedah yang betul. Penyelidik mengemukakan enam item soalan yang menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dalam ayat bahasa Melayu untuk ditukarkan ke dalam bahasa Arab dengan aplikasi serta kaedah tatabahasa Arab yang sahih. Pengukuran yang dijalankan adalah menjurus kepada kemahiran penggunaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l serta kaedah nahuan yang berkenaan dengannya sahaja. Bagi tiga soalan yang terdahulu, pelajar diminta menggunakan kaedah kata kerja jenis kala lampau, manakala bagi soalan berikutnya pula menggunakan kaedah kata kerja kala kini. Berikut adalah di antara dapatan bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dari semakan respon jawapan mereka.

- i) Kekeliruan perubahan pola huruf pada Fe’el Mu’tall.
- ii) Kesalahan baris huruf fe’el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l)
- iii) Salah i’ra:b pelaku ganti
- iv) Salah penggunaan ðomi:r pada fe’el
- v) Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe’el menjadi mubtada’)

Berikut adalah analisis bentuk kesalahan bagi setiap soalan pada bahagian ini;

Soalan 1 :

1. Surat itu *ditulis* kepada pengetua. [كَتَبَ [

(كُتِبَتْ \ تُكْتَبُ الرَّسَالَةُ إِلَى الْمُدِيرِ)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Salah penggunaan ڏomi:r pada fe'el	كَتَبَ \ يُكْتَبُ الرَّسَالَةُ إِلَى الْمُدِيرِ	21
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mubtada')	الرَّسَالَةُ تُكْتَبُ إِلَى الْمُدِيرِ	4
Jumlah		25

Bagi item soalan satu, semua pelajar tidak dapat menjawab soalan dengan tepat.

Kesalahan paling ketara di kalangan pelajar adalah keliru menggunakan ڏomi:r pada fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang perlu dirujuk kepada pelaku ganti. Ia ditunjukkan oleh 21 kekerapan bentuk kesalahan ini pada soalan yang pertama ini. Terdapat juga 4 orang responden yang melakukan kesalahan teknikal secara konsisten bagi semua soalan dengan meletakkan posisi pelaku ganti di depan fe'el iaitu di awal ayat yang menjadikan posisi ‘irabnya adalah mubtada’. Situasi ini menyalahi kaedah pembentukkan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l.

Soalan 2 :

uku itu telah *disusun* di atas rak [رَتَبَ [

(رُتِّبَ الْكِتَابُ عَلَى الرَّفِّ)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Salah penggunaan ڏomi:r pada fe'el	رَتَبَتْ الْكِتَابُ \ رُتِّبَ الْكِتَابُ عَلَى الرَّفِّ	5
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mubtada')	الْكِتَابُ رُتِّبَ عَلَى الرَّفِّ	4
Jumlah		9

Dari analisis respon jawapan pelajar bagi soalan kedua ini, terdapat 16 jawapan yang betul. Walaubagaimanapun, baki 9 orang pelajar lagi juga melakukan bentuk kesalahan yang sama dengan soalan pertama, iaitu salah menggunakan ڏomi:r pada fe'el al-Mabniyy Li al-Majhu:l yang perlu dirujuk kepada pelaku ganti dan melakukan

kesalahan dengan meletakkan posisi pelaku ganti di depan fe'el iaitu di awal ayat yang menjadikan posisi ‘irabnya sebagai mubtada’.

Soalan 3:

3. Program itu *diadakan* pada hari jumaat.

[أَقْامَ]

(أُقِيمَ الْبَرْنَامِجُ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kekeliruan perubahan pola huruf pada Fe'el Mu'tal	أَقْامَ \ أَقْوَمَ الْبَرْنَامِجُ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ	17
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mubtada')	الْبَرْنَامِجُ أُقِيمَ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ	4
Jumlah		21

Soalan ketiga ini menggunakan bentuk kata kerja al-Mu'tall, iaitu fe'el yang mengandungi huruf ‘illah. Ternyata kebanyakkan terkeliru dengan perubahan pola huruf yang perlu dilakukan apabila fe'el ini ditukarkan kepada kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l. Maka terdapat 17 bentuk kesalahan seumpama ini dari semakan yang dibuat. Manakala 4 jawapan yang diterima adalah menepati kaedah yang sebenar.

Soalan 4 :

4. Orang islam *dituntut* menuaikan solat.

[يَطْلُبُ]

(يُطْلَبُ الْمُسْلِمُونَ بِأَدَاءِ الصَّلَاةِ)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kesalahan baris huruf fe'el (al-Mabny Li al-Majhu:l)	يُطْلِبُ الْمُسْلِمُونَ بِأَدَاءِ الصَّلَاةِ	11
Salah i'ra:b pelaku ganti	يُطْلِبُ الْمُسْلِمِينَ بِأَدَاءِ الصَّلَاةِ	2
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mubtada')	الْمُسْلِمُونَ يُطْلِبُ بِأَدَاءِ الصَّلَاةِ	4
Jumlah		17

Bentuk soalan keempat pula adalah kata kerja Sohi:h al-Sa:lim jenis kala kini. Bentuk fe'el ini lebih mudah dan tidak mengelirukan. Namun hanya 9 jawapan sahaja yang betul, manakala selebihnya mengandungi kesalahan terutamanya salah meletakkan

baris huruf pada fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l) mengikut kaedah pembinaan kata kerja al-Mabny Li al-Majhu:l, iaitu sebanyak 11 kekerapan. Manakala kesalahan lain ialah seperti kekeliruan pada tanda i'ra:b pelaku ganti dan kesalahan meletakkan pelaku ganti pada posisi sebagai mutbada', iaitu masing-masing 2 dan 4 kekerapan kesalahan.

Soalan 5 :

5. Manusia *dicipta* daripada tanah. [يَخْلُقُ]
(يُخْلِقُ الْإِنْسَانُ مِنْ طِينٍ)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kesalahan baris huruf fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l)	يُخْلِقُ الْإِنْسَانُ مِنْ طِينٍ	13
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mutbada')	الْإِنْسَانُ يُخْلِقُ مِنْ طِينٍ	4
Jumlah		17

Bagi soalan kelima ini juga penyelidik menggunakan bentuk kata kerja Sohi:h al-Sa:lim. Oleh itu, jawapan tepat yang diterima juga adalah sama dengan soalan keempat iaitu 9 kekerapan. Manakala bentuk kesalahan pada jawapan yang tidak tepat adalah hampi sama dengan kesalahan dalam soalan terdahulu iaitu salah meletakkan baris huruf pada fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l) mengikut kaedah pembinaan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l, iaitu sebanyak 13 kekerapan.

Soalan 6 :

6. Malaysia *dianggap* sebagai sebuah negara yang membangun di Asia. [يَعْتَبِرُ]
(تُعَتَّبِرُ مَالِيْزِيَا دَوْلَةً نَّاْمِيَّةً فِي آسِيَاً)

Bentuk Kesalahan	Contoh Jawapan Salah	Kekerapan
Kesalahan baris huruf fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l)	تُعَتَّبِرُ مَالِيْزِيَا دَوْلَةً نَّاْمِيَّةً فِي آسِيَاً	13
Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mutbada')	مَالِيْزِيَا تُعَتَّبِرُ دَوْلَةً نَّاْمِيَّةً فِي آسِيَاً	4
Jumlah		17

Dalam item keenam ini penyelidik menggunakan bentuk kata kerja γuma:si. Dapatkan yang diperolehi daripada semakam terhadap item ini menunjukkan keputusan yang sama dengan soalan kelima iaitu terdapat 9 respon jawapan yang betul. Manakala bentuk kesalahan juga adalah sama dengan kekerapan kesalahan yang serupa iaitu 13 dan 4 kesalahan.

Jadual 4.17 : Analisis Keseluruhan item Menggunakan Kata Kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhu:l di dalam Penulisan

Bil.	Bentuk Kesalahan	Kekerapan	Peratus
1	Kekeliruan perubahan pola huruf pada Fe'el Mu'tal.	17	16%
2	Kesalahan baris huruf fe'el (al-Mabniyy Li al-Majhu:l)	37	35%
3	Salah i'ra:b pelaku ganti	2	2%
4	Salah penggunaan ḥomi:r pada fe'el	26	24%
5	Salah posisi pelaku ganti (diletak sebelum fe'el menjadi mutbada')	24	23%
Jumlah.		106	100%

Analisis keseluruhan untuk bahagian menggunakan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l di dalam penulisan ini merumuskan bahawa terdapat sebanyak 106 kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh 25 orang responden dalam menjawab 6 soalan berkenaan dengan kemahiran yang difokuskan. Bentuk kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar adalah salah meletakkan baris yang betul mengikut kaedah tatabahasa Arab pada fe'el yang ditukar kepada al-Mabniyy Li al- Majhu:l iaitu sebanyak 37 kekerapan atau 35%. Manakala bagi membina kata kerja al-Mabniyy Li al- Majhu:l bagi bentuk fe'el Mu'tall pula, kesalahan yang sering dilakukan adalah kekeliruan pada perubahan pola huruf mengikut kaedah tatabahasa Arab yang betul. Bentuk kesalahan ini mencatat 17 kekerapan atau 16%. Selain itu, kesalahan penggunaan ḥomi:r pada fe'el al-Mabniyy Li al- Majhu:l mencatat 26 kekerapan iaitu 24%. Terdapat 4 orang pelajar yang meletakkan pelaku ganti sebelum fe'el al-

Mabniyy Li al- Majhu:l pada semua soalan yang mencatat 24 kesalahan bersamaan 23% dari keseluruhan kesalahan.

4.1.5 Dapatan Objektif Kajian 4 :

“Mengetahui punca permasalahan pelajar dalam menguasai tajuk ini”.

Penyelidik menggunakan bentuk respon terbuka dalam soal selidik ini dengan meminta responden memberikan pendapat berkenaan dengan masalah utama yang menyukarkan untuk menguasai kemahiran ini dengan baik serta punca dan cadangan cara mengatasi masalah berkenaan. Respon ini adalah dalam bentuk data kualitatif kerana ia berasaskan pendapat, pengalaman serta reaksi responden.

Justeru dalam bahagian ini penyelidik mengutarkan 4 item soalan terbuka yang menuntut responden memberikan jawapan secara bertulis. Ia adalah seperti berikut;

- a) Item 1 : Adakah anda suka mata pelajaran bahasa Arab? Kenapa?
- b) Item 2 : Apakah masalah utama anda dalam menguasai tajuk “kata kerja Al-Mabny Li Al-Majhul” dengan baik?
- c) Item 3 : Apakah punca kepada masalah tersebut (respon no.2)?
- d) Item 4 : Nyatakan cadangan anda bagi mengatasi masalah tersebut?

Daripada item soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini, penyelidik dapat merumuskan natijah bagi objektif kajian yang keempat ini khususnya menerusi item soalan yang kedua dan ketiga. Walaubagaimanapun, penyelidik turut membentangkan dapatan yang diperolehi dari respon item soalan satu dan empat kerana ia juga menjelaskan dapatan kepada objektif kajian secara tidak langsung.

I) Dapatan item 1: Adakah anda suka mata pelajaran bahasa Arab?

Kenapa?

Rumusan daripada data kualitatif yang diperolehi menjelaskan majoriti pelajar suka serta minat terhadap mata pelajaran bahasa Arab iaitu seramai 46 orang daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 50 orang. Manakala baki 4 orang responden menyatakan reaksi kurang minat terhadap mata pelajaran ini. Jadual 4.18 berikut menunjukkan sebab-sebab yang diberikan oleh responden terhadap item ini.

Jadual 4.18 : Analisis Sebab Minat Mata Pelajaran Bahasa Arab

Bil.	Alasan suka/minat mata pelajaran bahasa Arab	bilangan
1.	Keistimewaan serta keunikan bahasa Arab	7
2.	Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran	13
3.	Dapat memahami Al-Quran	15
4.	Dapat menambah ilmu serta minat untuk mendalaminya	7
5.	Faktor guru	1
6.	Anggap sebagai ibadah dan mendapat pahala	3

Jadual 4.19 : Analisis Sebab Kurang Minat Mata Pelajaran Bahasa Arab

Bil.	Alasan kurang minat mata pelajaran bahasa Arab	bilangan
1.	Tidak belajar dari awal dan lebih biasa dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris	1
2.	Sangat sukar untuk difahami	2
3.	Banyak istilah dan mengelirukan	1

Sebahagian besar pelajar yang suka belajar bahasa Arab adalah kerana kelebihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran serta keinginan mereka untuk lebih memahami kitab suci umat Islam ini dengan lebih baik melalui pengetahuan dan penguasaan dalam bahasa Arab. Hal ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Zaki bin Ahmad (2009) "Motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama" yang menyatakan bahawa motivasi holistik adalah

pendorong utama kepada pelajar untuk belajar bahasa Arab antaranya ialah minat terhadap bahasa Al-Quran iaitu 64.1% atau 75 responden. Di samping itu, sebahagian yang lain menyatakan minat terhadap mata pelajaran ini adalah kerana keistimewaan serta keunikan bahasa Arab dan keinginan untuk terus mempelajarinya dengan lebih mendalam.

Manakala pelajar yang menyatakan rasa kurang minat terhadap mata pelajaran bahasa Arab pula adalah disebabkan oleh kesukaran untuk memahaminya serta keliru dengan penggunaan pelbagai istilah tatabahasa Arab dan lebih selesa dengan bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

II) Dapatan Item 2: Apakah masalah utama anda dalam menguasai tajuk “kata kerja Al-Mabniyy Li Al-Majhul” dengan baik?

Jadual 4.20 : Dapatan Masalah Utama Yang Dihadapi oleh Pelajar

Bil.	Masalah utama menguasai tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhul	Frekuensi
1.	Tidak dapat faham dengan baik	31
2.	Mudah lupa / Tak ingat	11
3.	Terkeliru	7
4.	Masalah kesihatan	1

Jadual 4.20 di atas menunjukkan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhul. Antara masalah yang paling ketara yang menyukarkan penguasaan pelajar terhadap tajuk ini ialah tidak dapat memahami tajuk ini dengan baik samaada semasa sesi pengajaran dan pembelajaran atau selepasnya. Selain itu, seramai 11 orang pelajar menyatakan bahawa masalah mudah lupa tentang kaedah yang dipelajari dalam menguasai kemahiran tajuk ini. Terdapat juga pelajar yang menghadapi masalah keliru dengan

istilah-istilah yang digunakan serta struktur fe'el yang pelbagai variasi pola huruf khususnya bagi fe'el al-Mu'tall. Ini adalah kerana pembentukan kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l bagi jenis fe'el seumpama ini bukan sahaja melibatkan perubahan baris, tetapi ia juga turut mengubah pola huruf pada fe'el. Manakala seorang daripada responden memberikan masalah kesihatan yang dihadapi ketika mempelajari tajuk ini sebagai masalah yang menghalangnya untuk menguasai tajuk ini dengan baik. Punca yang menyebabkan timbulnya masalah-masalah adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam penerangan seterusnya.

III) Dapatan Item 3 : Apakah punca kepada masalah tersebut?

Jadual 4.21 : Dapatan Jenis Punca Kepada Permasalahan Utama Yang Dihadapi Oleh Pelajar


Bil.	Jenis Punca permasalahan	Punca	Frekuensi
1.	Tidak beri tumpuan semasa belajar di kelas	Diri sendiri	13
2.	Kurang latihan dan ulangkaji	Diri sendiri	9
3.	Susah untuk memahami tajuk	Diri sendiri	8
4.	Rasa tidak penting	Diri sendiri	3
5.	Tidak selalu digunakan	Diri sendiri	1
6.	Tidak bertanya/ berbincang	Diri sendiri	2
7.	Tidak minat mata pelajaran bahasa	Diri sendiri	1
8.	Kurang menguasai perbendaharaan kata/tatabahasa Arab.	Diri sendiri	5
9.	Penerangan guru kurang berkesan	Guru	10
10.	Nota tidak lengkap	Medium	2
11.	Sukar memahami maklumat dalam buku teks	Medium	1

Butiran yang dipaparkan dalam jadual 4.21 di atas merupakan perkara-perkara yang menjadi punca kepada permasalahan yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l dengan baik sebagaimana yang dirumuskan dari jadual sebelumnya. Terdapat responden yang mengemukakan lebih dari satu perkara yang menjadi punca kepada masalah yang dihadapi. Punca kepada

permasalahan di atas mempunyai kaitan yang rapat dengan diri pelajar sendiri, penyampaian guru serta medium pembelajaran.

Carta Pai 4.3: Dapatan Punca Permasalahan Pelajar Dalam Menguasai Tajuk

“kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l”



i) **Punca Diri sendiri:**

Majoriti pelajar menyatakan kelemahan sendiri sebagai punca kepada permasalahan dalam menguasai tajuk ini iaitu seramai 42 orang iaitu mewakili 76% daripada jumlah responden. Antara punca utama dari diri mereka sendiri adalah tidak memberikan tumpuan yang baik semasa sesi pengajaran dan pembelajaran kerana sebab tertentu seperti mengantuk, letih dan tidak dapat fokus. Mereka juga tidak membuat ulangkaji serta latihan pengukuhan terhadap tajuk ini selepas pembelajaran. Ada di antara pelajar menyatakan kesukaran memahami tajuk dan kurang penguasaan terhadap perbendaharaan kata serta kemahiran tatabahasa yang berkaitan juga merupakan punca kepada masalah penguasaan tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini. Selain itu, beberapa penyebab lain dari diri sendiri juga menjadi punca permasalahan ini seperti

sikap ambil mudah, tidak bertanya kepada guru untuk lebih faham serta tidak minat terhadap tajuk dan mata pelajaran bahasa Arab.

ii) Punca Guru :

Faktor guru juga menyumbang kepada keupayaan pelajar untuk menguasai tajuk ini terutamanya semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Seramai 10 orang bersamaan 18% responden berpendapat bahawa persempahan serta penyampaian guru yang kurang berkesan menyebabkan pelajar tidak mampu menguasai tajuk ini dengan baik. Antaranya penerangan guru yang terlalu cepat, tidak menggunakan contoh yang mudah dan jelas serta cara penyampaian yang tidak menarik serta membosankan.

iii) Punca Medium pembelajaran :

Sebahagian kecil pelajar iaitu 6% atau seramai 3 orang daripada responden menyatakan bahawa antara punca lain kepada permasalahan ini juga adalah medium pembelajaran seperti nota serta buku teks. Nota yang tidak lengkap tidak membantu pelajar mengulangkaji dan memahami tajuk yang dipelajari. Begitu juga kandungan di dalam buku teks dan penerangan tajuk yang menggunakan bahasa arab sepenuhnya menyukarkan sebahagian pelajar untuk memahami topik yang dipelajari. Masalah yang sama dikesan oleh Mohd Shafien bin Othman dalam kajianya “Penguasaan Al-I’la:l dan Al-Ibda:l di kalangan pelajar-pelajar peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)”. Beliau mendapati respon daripada pelajar sebanyak 68% menyatakan sukar faham buku teks bahasa Arab.

IV) Dapatan Item 4 : Nyatakan cadangan anda bagi mengatasi masalah tersebut?

Jadual 4.22 : Dapatan Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Berkenaan

Bil.	Cadangan	Tindakan	Frekuensi
1.	Selalu buat latihan dan ulangkaji	Diri sendiri	15
2.	Selalu bertanya / berbincang	Diri sendiri	5
3.	Kuasai banyak perbendaharaan kata	Diri sendiri	2
4.	Menyediakan nota yang lengkap/mudah	Diri sendiri	3
5.	Bersedia untuk belajar/beri tumpuan	Diri sendiri	2
6.	Penyampaian yang berkesan/teknik menarik	Guru	18
7.	Adakan kelas tambahan/sesi ulangkaji	Guru	12
8.	Sediakan nota yang lengkap	Guru	4
9.	Buku teks dwi bahasa	Medium	1
Jumlah			62

Berdasarkan kepada masalah dan puncanya yang dinyatakan oleh responden pada perbincangan sebelum ini, maka pada jadual 4.22 di atas dikemukakan cadangan-cadangan yang mungkin relevan bagi mengatasi serta menangani permasalahan dalam menguasai tajuk kata kerja al-Mabniyy Li al-Majhu:l ini. Penyelidik membincangkan cadangan-cadangan yang diutarakan ini mengikut kategori sebagaimana jenis punca permasalahan, iaitu diri sendiri, guru dan medium.

i) Cadangan Untuk Pelajar :

Sebanyak 27 cadangan yang disarankan oleh responden kepada pelajar sebagai langkah untuk menguasai tajuk nahu seperti ini. Saranan yang paling banyak kepada pelajar adalah agar sentiasa melakukan latihan pengukuhan berkenaan dengan tajuk selepas mempelajarinya serta mengulangkaji secara berterusan agar dapat mengingati dan menguasainya dengan baik. Selain itu, terdapat juga cadangan supaya pelajar perlu mengadakan perbincangan bersama rakan-rakan dan bertanyakan guru tentang

kemusykilan yang dihadapi dalam menguasai sesuatu tajuk. Pelajar juga disaran agar sentiasa bersedia untuk fokus semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dan memberi sepenuh tumpuan terhadap penerangan guru. Pada masa yang sama pelajar perlu berusaha menyediakan nota yang lengkap serta mudah difahami bagi tajuk yang dipelajari dan berusaha untuk menguasai sebanyak mungkin pertbaharaan kata bahasa Arab mengikut tahap pembelajaran.

Hal ini adalah sebagaimana yang disarankan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui huraian sukanan pelajaran(2003.p9) bagi menengah atas iaitu tingkatan empat dan lima yang menyatakan “ Bahagian pertbaharaan kata : Sepatutnya bagi pelajar tingkatan empat/lima berusaha menguasai pertbaharaan kata serta istilah-istilah tertentu sekurang-kurangnya 1000 patah perkataan baru.”

ii) Cadangan Untuk Guru :

Berdasarkan jadual 4.22 juga, sebanyak 34 cadangan yang dikemukakan adalah kepada pihak guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab. Saranan yang paling banyak diberikan iaitu dari 18 responden agar pihak guru menyediakan gaya penyampaian yang berkesan serta menarik minat kepada pelajar. Sebagai contoh, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran mengikut kesesuaian tajuk dan situasi pelajar. Guru juga perlu menggunakan cara penyampaian yang mudah, jelas dan berkesan di samping menyelitkan unsur-unsur kecindan dan hiburan seperti kuiz, teka-teki, nasyid, tayangan video, kerja berkumpulan dan lain-lain. Responden berpendapat bahawa teknik penyampaian yang baik serta komunikasi yang berkesan semasa P&P dapat menarik perhatian pelajar untuk memahami pembelajaran sesuatu tajuk dan

menguasainya dengan baik. Terdapat juga saranan supaya guru menyediakan nota pembelajaran yang mudah dan lengkap bagi membantu pelajar membuat rujukan serta mengulangkaji tajuk berkenaan dengan mudah dan berkesan.

iii) Cadangan Terhadap medium Pembelajaran :

Bagi mengatasi masalah kesukaran pelajar memahami kandungan buku teks bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar, seorang responden mencadangkan agar buku teks diterbitkan dalam dwi bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Langkah ini dilihat dapat memudahkan pelajar untuk memahami isi kandungan buku teks.

4.2 Penutup

Melalui maklumat dan data yang diperolehi dari instrumen kajian yang dijalankan, penyelidik membentangkan rumusan dari dapatan kajian ini dengan huraian yang terperinci yang juga dipaparkan menerusi jadual serta carta pai dan carta histogram supaya dapat difahami dengan mudah. Dapatan ini dianalisis dari maklumat maklum balas responden menerusi instrumen yang dijalankan. Kupasan dapatan ini adalah menjawab soalan kajian serta objektif kajian yang digariskan pada awal kajian ini. Namun, rumusan ini adalah hasil kajian yang terhad yang dijalankan ke atas kelompok responden dari kalangan pelajar SMKA Kerian, Perak dengan menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis sahaja dan tidak menggambarkan situasi sebenar pelajar sekolah menengah seluruh negara. Walaubagaimanapun, dapatan dari kajian ini adalah

relevan dan boleh digunakan dalam kajian lanjutan yang mempunyai kaitan dan kesesuaian maklumat untuk dirujuk.